



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 7 OKTOBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	TANAMAN JAGUNG DISERANG ULAT RATUS, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -33 ULAT RATUS SERANG TANAMAN JAGUNG DI 4 NEGERI, NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4.	PADI HIBRID PERTAMA DI MALAYSIA, NASIONAL, SH -17 MARDI HASIL VARIETI PADI HIBRID PERTAMA MR 12H, NASIONAL, BH -14	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7.	APMM KESAN PENGGUNAAN BUBU NAGA DI PERAIRAN, NEGARA, KOSMO -16 PUKAT HANTU ANCAM TERUMBU KARANG, SINAR NEGERI JOHOR, SH -36 9 BUBU NAGA DI PERAIRAN PERLIS DIRAMPAS, SINAR NEGERI PULAU PINANG/PERLIS, SH -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	MAQIS RAMPAS 22KG DAGING SEJUK BEKU, NASIONAL, SH -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	NAFAS PERLU RM800J ATASI KELEWATAN PEMBEKALAN, NASIONAL, BH -67	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10.	AGENSI KERAJAAN BERI SOKONGAN, BANTUAN PENUH, BISNES SINAR, SH -25	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12.	TUAH ANAK LEMBU BAKA LIMOUSINE, NEGARA, KOSMO -16 TUAH ANAK LEMBU SADO, TENGAH, HM -26	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13. 14. 15. 16. 17. 18.	BELAJAR CARA PENGURUSAN BAJA, MEGA AGRO, UM -24 AMAL ILMU YANG DIPEROLEH, MEGA AGRO, UM -25 HARAPAN PENGUNDI TANJUNG PIAI, DALAM NEGERI, UM -39 UTEM CIPTA MESIN POTONG IKAN, WARNA-WARNA KEHIDUPAN, SH -20 ANIMAL CRUELTY CASES RISING IN THE COUNTRY, NATION, THE STAR -8 EMPOWERING FARMERS IN KUALA LANGAT, EVENTS, STAR MERTO -10	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Ulat ratus serang tanaman jagung di 4 negeri

**Kota Bharu:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengesan sejenis ulat *fall armyworm* atau ulat ratus menyerang tanaman jagung di empat negeri, sejak awal tahun ini.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata negeri berkenaan ialah Perlis, Kedah, Perak dan Johor.

Katanya, setakat ini keadaan masih terkawal dan tidak meribak, memandangkan serangan itu

dapat dikesan lebih awal oleh Jabatan Pertanian.

"Serangan ulat ini atau nama saintifiknya *Spodoptera frugiperda* bukan sahaja menyerang tanaman di Malaysia, sebaliknya ia turut menyerang negara lain.

"Isu ini juga dibincangkan pada peringkat ASEAN dan pihak Kementerian meneliti bagi mengambil langkah terbaik untuk mengelak serangan ulat berkenaan.

"Setakat ini ulat berkenaan ha-



Ulat ratus yang menyerang tanaman jagung.  
(foto hiasan)

nya menyerang tanaman jagung dan kita bimbang selepas ini, ia akan menyerang tanaman lain selepas pengusaha jagung tidak menanam tanaman itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Hibrid di Ladang Merdeka, Mulong, di sini, semalam.

Mohd Sallehuddin berkata, ulat berkenaan menyerang tanaman dengan memakan jagung se-

belum bertelur di tanaman berkenaan, sehingga menjadi kebin-bangan dalam kalangan petani.

"Kita menasihatkan petani memantau tanaman masing-masing dan sekiranya terdapat serangan ulat berkenaan, terus memaklumkan kepada Jabatan Pertanian.

"Ulat berkenaan datang dari Amerika Selatan dan boleh terbang sejauh 100 kilometer, termasuk pergi ke negara lain," katanya.

# Tanaman jagung diserang ulat ratus

*Serangan ulat ratus punca tanaman jagung penduduk rosak*

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengesan serangan ulat ratus terhadap tanaman jagung di empat negeri iaitu Kedah, Perlis, Perak dan Johor.

Ketua Setiausaha MOA, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, serangan dikesan bermula sejak Januari lalu menyebabkan ada petani terpaksa berehat daripada menanam jagung.

"Ada sesetengah ladang jagung yang terkena serangan itu dibakar terus kerana tidak dapat diselamatkan walaupun disembur racun ulat.

"Kita bimbang ulat ini akan menyerang tanaman lain termasuk padi," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Hibrid MR 12H di Ladang Merdeka Mulong di sini semalam.



Ulat ratus yang menyerang tanaman jagung penduduk.

Hadir sama, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Mohamad Roff Mohd Noor dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Nik Roslan Idris.

Mohd Sallehuddin berkata, serangan ulat itu adalah masalah antarabangsa dan bukan hanya berlaku di Malaysia.

Katanya, MOA kini sedang berhubung dengan Jabatan Pertanian negara Asean dan China bagi mendapatkan bantuan.

"Kami sedang meneliti dan menyediakan laporan lengkap bagi menangani perkara itu dengan lebih serius.

"Serangan berlaku di Kedah, Perak dan Perlis. Di Johor pula serangan sudah dikesan tetapi tidak merebak," katanya.

Katanya, ulat ratus atau ulat tentera dengan nama saintifik *spodoptera frugiperda* adalah sejenis larva daripada kupu-kupu yang terbang jauh dari negara ke negara lain dan sangat menggemari daun tanaman.

"Setakat ini keadaan masih terkawal dan Jabatan Pertanian sudah meletakkan perangkap selain kajian sedang dilakukan MARDI untuk mengurangkan serangan kerana menghapuskan sepenuhnya akan mengambil masa yang lama," katanya.

FOTO: AFP

# Padi hibrid pertama di Malaysia

*Dapat bantu pengeluaran beras dalam negara sehingga 20 peratus*

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melakar sejarah apabila berjaya menghasilkan varieti padi hibrid MARDI MR 12H pertama di Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, pengisytiharan varieti baharu yang akan diberi nama khas itu adalah salah satu strategi MARDI dalam menghasilkan varieti berimpak tinggi sekali gus memberi manfaat kepada petani dalam meningkatkan pengeluaran beras dalam negara. Menurut beliau, pemba-

ngunan varieti padi hibrid di Malaysia sudah dimulakan oleh MARDI sejak 2007 dengan projek perintis membabitkan keluasan 10 hektar di Mulong dan Teratak Pulau di Kelantan untuk pengeluaran benih utama.

"Ribuan kacukan melibatkan induk mandul jantan dan induk penyenggaraan tempatan dijalinan sehingga menghasilkan varieti MR 12H daripada kacukan antara 0025A dan 004R.

"Kajian MARDI mendapati varieti itu matang awal iaitu sekitar 104 hari sehingga 106 hari selepas ditabur, lebih besar daripada padi biasa dan rintang terhadap penyakit karah," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Hibrid MR 12H di Ladang Merdeka Mulong di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah MARDI, Datuk Mohamad Roff Mohd Noor dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Nik Roslan Idris.

Sallehuddin berkata, teknologi padi hibrid berpotensi untuk meningkatkan pengeluaran padi



Mohd Sallehuddin melihat padi hibrid pertama MR 12H yang dihasilkan di Malaysia oleh pihak MARDI.

sehingga 15 ke 20 peratus bagi setiap hektar penanaman dan sesuai ditanam di kawasan se-derrhana subur.

"Teknologi penanaman padi hibrid berlainan daripada padi biasa kerana petani tidak boleh menggunakan benih sedia ada MR 12 untuk kegunaan musim hadapan.

"Petani perlu membeli benih baharu setiap kali hendak menanam varieti hibrid dan kadar benih hanya 40 kilogram sehektar dan petani perlu gunakan kaedah mencedung menggunakan mesin jentanam," katanya.

Katanya, Kementerian sedaya upaya akan memastikan industri padi dalam negara terus

berkembang maju selain memastikan bekalan makanan ruij sentiasa mencukupi.

"Tahap sara diri atau SSL beras negara masih lagi berada pada aras 72 peratus dan pihak Kementerian menyasarkan 75 peratus dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang," katanya.

# MARDI hasil varieti padi hibrid pertama MR 12H

Mampu tingkat pengeluaran hasil sehingga 20 peratus setiap hektar

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

**Kota Bharu:** Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melakar sejarah dengan menghasilkan varieti padi hibrid pertama MR 12H, yang antara lain mampu meningkatkan pengeluaran padi sehingga 20 peratus setiap hektar.

Pembangunan varieti padi hibrid yang dimulakan MARDI sejak 2007, membabitkan ribuan induk mandul jantan dan induk penyenggara tempatan, sehinggalah menghasilkan varieti MR 12H iaitu hasil kacukan 0025A dan 004R.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata kelebihan varieti padi berkenaan ialah matang lebih awal, iaitu sekitar 104 hingga 106 hari selepas ditabur dan tahan atau rintang terhadap penyakit karah.

Selain itu, katanya, padi berkenaan sesuai ditanam di kawasan sederhana subur, meningkatkan pendapatan petani, dihasilkan melalui pembaikbakaan hibrid sistem tiga titisan dan berpotensi mencapai hasil 12.2 tan per hektar.

"Beras daripada padi berkenaan kategori panjang dan tirus sesuai untuk pasaran tempatan. Tekstur nasi seroi selepas dimasak dan pembangunannya mengambil masa selama 21 musim. "Teknologi penanaman padi hibrid baharu ini berlainan dari-



Mohd Sallehuddin (dua dari kiri) melihat Padi Hibrid MR 12H selepas Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Hibrid di Ladang Merdeka Mulong, Kota Bharu, semalam.

**Kelebihan varieti padi berkenaan ialah matang lebih awal, iaitu sekitar 104 hingga 106 hari selepas ditabur dan tahan atau rintang terhadap penyakit karah.**

**Mohd Sallehuddin Hassan,**  
Ketua Setiausaha Kementerian  
Pertanian dan Industri Asas Tani

pada padi biasa. Antaranya petani tidak boleh menggunakan benih sedia ada, perlu membeli benih hanya 40 kilogram (kg) bagi satu hektar yang memerlukan petani menggunakan kaedah mencedung menggunakan mesin jentanam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Hibrid di Ladang Merdeka Mulong, di sini, semalam.

Mohd Sallehuddin berkata, penanaman padi hibrid MR 12H dapat membantu meningkatkan hasil tuaian dan pendapatan, terutamanya di kawasan sederhana subur.

Katanya, benih padi berkenaan akan diberikan kepada petani pada musim kedua penanaman padi tahun hadapan.

"Bagi projek perintis, tanaman padi itu ditanam di kawasan seluas 10 hektar iaitu di Mulong dan Teratak Pulau bagi urusan penyediaan benih.

"Kementerian sedaya upaya memastikan industri padi dalam negara terus berkembang maju, selain memastikan bekalan makanan ruij sentiasa mencukupi" katanya.

## Padi Hibrid MR 12H

- » Sesuai ditanam di kawasan sederhana subur
- » Dihasilkan melalui pembaikbakaan hibrid sistem 3 titisan
- » Pembangunan mengambil masa 21 musim
- » Berpotensi capai hasil 12.2 tan per hektar
- » Beras kategori panjang dan tirus
- » Tekstur nasi seroi selepas dimasak
- » Rintang kepada penyakit karah daun dan tangkai
- » Matang awal sekitar 104-106 hari selepas ditabur

## APMM kesan penggunaan bubu naga di perairan

**KANGAR**—Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas sebanyak 29 bubu naga yang dipasang secara haram di perairan negeri ini kelmarin.

Kesemua bubu itu ditemui di tiga lokasi berbeza iaitu pada jarak kira-kira 0.6 hingga 0.7 batu nautika dari barat pantai Kurung Tengar, Kuala Perlis dekat sini antara pukul 10.30 hingga 11.30 pagi.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, bot peronda APMM yang melakukan operasi bermula pada pukul 6 pagi kelmarin mengesan pelampung yang dipasang di kawasan perairan itu sebagai penanda kepada bubu naga.

"Bubu naga yang dipasang secara haram ini ditinggalkan beroperasi oleh individu yang tidak bertanggungjawab di perairan tersebut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kata beliau, kesemua bubu naga itu dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan iaitu bubu naga.

"APMM memandang serius penggunaan bubu naga berikutan peralatan itu boleh menjejaskan sumber perikanan negara kerana sifatnya yang tidak selektif kerana memerangkap anak ikan komersial selain turut memusnahkan ekosistem laut negara," ujarnya.

Tambahnya, APMM akan terus membuat rondaan dan pemantauan di perairan negara termasuk kawasan sempadan dari semasa ke semasa untuk mencegah aktiviti penyeludupan, pencerobohan dan jenayah maritim.

Sebarang laporan, aduan dan kecamasan di laut boleh menghubungi APMM di talian 24 jam iaitu **MERS 999** dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Kuala Perlis di talian **04-9851072** atau **04-9851162**.

## 29 bubu naga di perairan Perlis dirampas



Anggota penguat kuasa APMN menarik bubu naga di perairan Perlis kelmarin.

**KUALA PERLIS** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Perlis merampas sebanyak 29 bubu naga (bubu kambang) di tiga lokasi berbeza kelmarin.

Pengarah APMN Zon Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, tangkapan dilakukan pada jarak kira-kira 0.6 dan 0.7 batu nautika barat Pantai Kurung Tengah.

Menurutnya, operasi yang bermula pada jam 6 pagi itu mengesan pelampung yang dipasang sebagai penanda bubu naga yang ditinggalkan.

"Penggunaan bubu naga boleh menjejaskan sumber perikanan negara kerana tidak selektif memerangkap anak

ikan komersial selain turut memusnahkan ekosistem laut negara," katanya.

Nurulazme berkata, kesemua bubu naga dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat.

Katanya, kes disiasat bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

"Maritim akan terus membuat rondaan dan pemantauan di sempadan dan perairan negara dari semasa ke semasa bagi mencegah aktiviti penyeludupan, pencerobohan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan utara Semenanjung Malaysia," katanya.

7/10/2019

SINAR  
HARIAN

36

SINAR NEGERI

JOHOR

## Pukat hantu ancam terumbu karang

**MERSING** - Keindahan beberapa pulau yang menjadi destinasi percutian popular di Johor tercemar dengan lambakan pukat hantu di sekitar terumbu karang, sekali gus mengancam hidupan marin di kawasan berkenaan.

Ketua Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber Jabatan Perikanan Johor, Bahrinah Bahrim mendedahkan, sebanyak satu tan pukat hantu berjaya dinaikkan tahun ini melalui inisiatif anggota Taman Laut Johor dan sukarelawan daripada pelbagai agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha memastikan kelangsungan ekosistem terumbu karang.

Menurutnya, pukat hantu boleh memberi kesan terhadap hidupan marin kerana ia diperbuat daripada plastik dan lazimnya mengambil masa 400 tahun atau lebih untuk diturai.

"Kita memang ada kerjasama dengan semua pemegang taruh Taman Laut Sultan Iskandar.

"Jadi setiap kali aktiviti menyulam dijalankan, mereka akan maklumkan kepada pihak kami jika ada penemuan pukat hantu," katanya pada program 'IIB CSR Saving Paradise: International Coastal Cleanup' di Pulau Pemanggil, Mersing semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai



Penyulam berusaha mengeluarkan pukat hantu di dasar laut. Gambar kecil: Akmal.

membuktikan bahawa usaha menyulam alam sekitar menjaga tanggungjawab bersama.

"Pantai tidaklah kotor sangat tapi kita perlu buat sesuatu dan lihatlah hasilnya. Kita berjaya menaikkan sampah dari dasar laut dan kumpulkan sampah yang hanyut di pantai seberat 573kg.

"Macam-macam ada termasuk pukat hantu, plastik, botol minuman dan macam-macam lagi," katanya.

Seramai 55 sukarelawan terlibat dalam program tersebut termasuk kakitangan IIB, Jabatan Perikanan Johor dan NGO iCY-CLE.



## Maqis rampas 22kg daging sejuk beku

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk 22 kilogram (kg) daging lembu sejuk beku dari Jeddah tanpa dokumen sah yang diletakkan di dalam sebuah 'cooler box'.

Rampasan dianggarkan bernilai RM800 itu dibuat di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kira-kira jam 12 tengah hari kelmarin.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, perbuatan mengimport daging tanpa permit yang sah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, sepanjang September sehingga awal bulan ini, pihaknya telah merampas produk daging dengan anggaran berat sebanyak 298kg bernilai RM116,910.00.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	67

# NAFAS perlu RM800j atasi kelewatan pembekalan

Peruntukan RM420j tidak mencukupi, terpaksa minta tambahan

Oleh Muhammad Mustakim Ramli  
m.mustakim@bh.com.my

**Sungai Petani:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berharap Kementerian Kewangan dapat meluluskan peruntukan lebih RM800 juta dalam Belanjawan

2020 bagi mengelak berlaku kelewatan bekalan kepada petani.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata jumlah RM420 juta yang diperolehi pada tahun ini tidak mencukupi dan pihaknya terpaksa meminta peruntukan tambahan.

"Jumlah itu (RM420 juta) hanya untuk semusim sahaja. Jadi, apabila masuk musim kedua kita berhadapan masalah dan kerana itu berlaku kelewatan.

"Kita berdepan kesulitan dalam menghantar input padi seperti baja, racun dan sebagainya. Sebab itu kita perlukan peruntukan sebanyak RM800 juta untuk tahun hadapan," katanya, semalam.



Phahrolrazi menyampaikan sumbangan kepada asnaf peladang sempena Program Kasih Peladang Kedah di Sungai Petani, semalam. (Foto Noorfathani Cne Ad /BH)

Beliau berkata demikian pada sidang media Program Kasih Peladang Kedah di Institut Pengurusan Peladang (IPP) Sungai Petani, di sini.

Pada program itu seramai 275 penerima asnaf peladang dari 11 Pertubuhan Peladang Kawasan negeri ini menerima bantuan wang tunai.

Sementara itu, mengulas mengenai benih padi yang lewat diterima pesawah di beberapa kawasan di Perlis dan Perak, Phahrolrazi berkata, NAFAS berharap diberi peluang untuk menjadi pender.

"Walaupun isu ini tidak berkaitan dengan NAFAS kerana Kementerian memberi secara tender kepada pembekal tanpa melalui

NAFAS, kita harap pada masa depan kita diberi peluang untuk mengedar.

"Ini untuk meringankan beban kakitangan kerajaan yang tidak mencukupi serta kekurangan rantaian. Lebih mudah diberikan kepada NAFAS kerana kita mempunyai rantaian dan mudah untuk dipantau," katanya.

## Agensi kerajaan beri sokongan, bantuan penuh



ZURIANA



MOHAMMAD



**MENYEDARI** pentingnya memperkasakan bidang keusahawanan sekali gus melahirkan ramai usahawan di Banting, Selangor, beberapa agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Jabatan Pertanian Selangor mengambil pelbagai inisiatif membantu usahawan.

Agensi tersebut menjadi platform terhadap usaha kerajaan untuk memperlembatkan bidang keusahawanan dalam kalangan rakyat sekali gus menjadi pemangkin yang dapat merancakkan ekonomi masing-masing.

Agensi ini juga berperanan sebagai pusat sehati bagi usahawan mendapatkan bantuan dalam bentuk perkhidmatan dan perkakasan serta informasi berkaitan keusahawanan.

Malahan, ADA agensi juga menyediakan khidmat nasihat, rundingan permasalahan, bantuan pelaksanaan program latihan daripada agensi dapat disalurkan kepada usahawan.

Mereka juga mahu golongan usahawan dilihat mempunyai perniagaan yang berdaya saing dan tidak hanya menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan tetapi mempunyai potensi untuk berkembang.

FAMA sentiasa komited untuk meluaskan pasaran produk usahawan kecil dan sederhana (PKS) dalam pasaran tempatan yang lebih luas dan di peringkat antarabangsa melalui penerokaan pasaran di peringkat global.

Timbalan Pengarah FAMA Negeri (Pengurusan dan Korporat) Selangor, Zuriana Mat Adam berkata, FAMA Selangor memfokuskan untuk membantu usahawan di peringkat tier-2 dan tier-3 dalam pemasaran

produk mereka melalui pembangunan produk dan pengukuhan pemasaran.

Menurutnya, FAMA akan membimbing usahawan menerusi penyertaan bagi mempromosi dan memperkenalkan produk keluaran mereka termasuklah pelbagai jenis keropok yang diusahakan untuk meningkatkan proses penghasilan keropok di seluruh Selangor.

Zuriana berkata, pengeluaran keropok atau snek ringan itu begitu sinonim di Banting dan menjadi tumpuan utama penduduk di negara ini mendapatkan bekalan keropok.

"Buat masa ini, kami membantu 18 usahawan keropok dan kebanyakan mereka memacu peningkatan sosio ekonomi penduduk setempat. Pengusaha keropok menumpukan kepada aktiviti pemrosesan keropok dari mula hingga akhir.

"Mereka mendapatkan bahan mentah (ubi dan pisang) dari ladang sendiri dan ada juga daripada penduduk sekitar yang mengusahakan tanaman-tanaman itu. Sekiranya bekalan input (pisang dan ubi) tidak mencukupi, FAMA akan membantu mereka mendapatkannya daripada peserta ladang kontrak sedia ada," katanya.

Beliau berkata, FAMA berperanan memberikan bantuan berbentuk perkhidmatan perkakasan termasuk khidmat nasihat seperti pembungkusan, pelabelan serta pengurusan kewangan.

Sementara itu, Pengarah Mara Negeri Selangor, Mohammad Mohd Yatim berkata, Mara adalah antara agensi yang membantu industri keropok terutamanya pengusaha berskala besar di Kuala Langat, memandangkan produk keropok mendapat permintaan yang tinggi.

"Ini, usahawan sedia ada Mara di Selangor mengikut industri ialah seramai 73 usahawan automotif, 190 usahawan pembinaan, 173 usahawan makanan dan minuman (F&B), 641 usahawan gaya hidup dan 547 usahawan perkhidmatan.

Beliau berkata, usahawan F&B yang menerima bantuan kemudahan Mara di daerah Kuala Langat berjaya menyumbangkan hasil jualan dengan jumlah RM12 juta setahun.

"Selain mesin dan peralatan, Mara juga telah menyalurkan bantuan dalam bentuk kemudahan pembiayaan keseluruhan sebanyak RM3 juta termasuk kursus dan latihan kepada usahawan, pembangunan perniagaan, pembangunan produk dan kemudahan penyediaan premis," katanya.



SEBAHAGIAN usahawan di Kuala Langat bersama Pegawai Mara Kuala Langat, Mazlah Mat Jani yang menerima bantuan Mara

# Tuah anak lembu baka *Limousine*

**BESUT** - Seorang penter-nak lembu tidak menyangka penyertaan kali pertama pada pertandingan lembu sado membawa tuah apabila memenangi kategori terbaik Himpunan Lembu Sado Pantai Timur di Dataran Jabi dekat sini semalam.

Mohamad Nurudin Abdul-lah, 53, dari Kampung Kemal, Pasir Puteh, Kelantan berka-ta, lembu sado yang diper-taruhkan itu baru berusia 39 hari.

"Anak lembu saya ini dari-pada baka *Limousine*. Sebe-lum saya menyertai pertan-dingan lembu sado ada pihak menawarkan RM4,000 bagi membelinya, namun saya ke-beratan.



**MOHAMAD NURUDIN** (empat dari kanan) bersama anak lembu sado yang memenangi kategori terbaik pada Himpunan Lembu Sado Pantai Timur di Dataran Jabi, Besut semalam.

"Sudah pasti saya tidak akan menjualnya selepas ini berikutan kemenangan ini kerana anak lembu sado

tersebut membawa tuah dan memberi rezeki kepada kami sekeluarga," katanya ketika ditemui *Kosmo!* selepas mene-

rima hadiah pada Himpunan Lembu Sado Pantai Timur di Dataran-Jabi dekat sini se-malam.

Kejayaan itu membolehkannya menerima hadiah berupa seekor lembu bernilai RM5,000 dan wang tunai RM500 daripada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, In-dustri Asas Tani dan Pembed-guan Desa Terengganu, Dr. Azman Ibrahim.

Sebanyak 77 lembu sado dari seluruh Tereng-ganu, Kelantan dan Pahang bertanding pada pertandi-ngan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Vete-rinar negeri dan Persatuan Penternak Ruminan Negeri Terengganu.

7/10/2019

HARIAN  
METRO

TENGAH

26

Oleh Nurul Fatimah  
Sulaini  
bhnews@bh.com.my

### Jertih

Gelagat comel seekor anak lembu berusia 39 hari mencuri tumpuan pengunjug Himpunan Lembu Sado Pantai Timor 2019 di Dataran Jabi di sini, hingga dinobatkan johan kategori Best Of The Best.

Pemilik ternakan berkenaan, Mohd Nor Rudin Abdullah, 53, dari Kampung Kemul Pasir Putih, Kelantan, berkata, pada mulanya dia mendaftar anak lembu baka Charolais digelar Limousine Kemal bertanding bagi kategori *Prince of Sado*, namun menjadi johan kategori lain.

"Jika diikutkan saya sudah membela lembu baka Charolais sejak 25 tahun lalu, tetapi belum pernah memenangi sebarang pertandingan dan ini penyertaan sulung saya.

"Meskipun usia Limousine Kemal baru sebulan lebih, fizikalnya yang sado seperti lembu berusia enam bulan ke atas menarik perhatian pengunjug.

"Penjagaan ternakan-baka ini berbeza dengan lembu kampung, saya kena mandikan Limousine Kemal sekurang-kurangnya sekali sehari supaya suhu badannya tidak tinggi berikutan cuaca panas," katanya, semalam. Kemenangan itu melayakkan Mohd Nor Rudin mem-



Mohd Nor Rudin menang dari kanan bersama keluarganya dalam pertandingan Limousine Kemal.

# Tuah anak lembu sado

## Ternakan berusia 39 hari didaftar kategori lain muncul juara kategori lain

bawa pulang hadiah seekor lembu bernilai RM4,000, wang tunai RM500 dan piala iringan.

Sementara itu, juara ke-2 Sado milik lembu baka Charolais digelar Abu berusia tiga tahun dibela Aminal Firdaus Sastarizam, 17, dari Kampung Gong Terap, Setiu.

Amirul meluahkan rasa gembira kerana kemenangannya dikecapi adalah untuk

kali yang kedua dalam tempoh selang seminggu.

Katanya, sebelum ini lembu baka Belgium Blue dinobatkan juara pertandingan lembu sado kategori senior atau *King of Sado* sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri

Terengganu (HPPNT) 2019 di lokasi sama.

"Jika diikutkan saya mahu hantar dua penyertaan, tapi kali ini saya bawa Abu saja kerana Bulat demam. Saya mula membela Abu jima bulan lalu, bagi memastikan ternakan ini kekal sihat dan cergas saya perlu

memandikannya tiga kali sehari, iaitu pada waktu pagi, petang serta malam.

"Saya memperuntukkan RM500 sebulan bagi menyedak 10 kilogram dedak dan rumput sehari, selain memberi suntikan vitamin dengan pemantauan daripada Pejabat Veterinar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pem-

angunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, pertandingan Lembu Sado peringkat pantai timur berjaya menghimpunkan 77 ternakan daripada Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Katanya, program dijayakan dengan kerjasama kerajaan negeri, Persatuan Ruminan Terengganu dan Jabatan Veterinar Terengganu.

**B**AGI menghasilkan proses tumbesaran tanaman yang optimum, pelbagai faktor perlu diberi perhatian. Struktur dan tekstur tanah, kelembapan dan daya pegangan air tanah dan tahap keasidan tanah perlu diambil kira. Faktor-faktor ini boleh dibantu melalui penggunaan bahan-bahan tambahan yang akan meningkatkan faktor tersebut ke tahap yang diperlukan.

Selain itu, tumbesaran tumbuhan juga sangat bergantung terhadap nutrien yang dibekalkan secara langsung kepada tanah melalui penggunaan baja. Nutrien dimaksudkan ialah nitrogen, fosforus dan kalium yang diperlukan pada tahap pertumbuhan yang khusus.

Nitrogen contohnya sangat diperlukan bagi pertumbuhan tanaman dari peringkat awal percambahan sehingga pembentukan daun. Fosforus pula penting bagi pembentukan akar dan dahan manakala kalium penting dalam pembentukan bunga dan buah. Secara amnya kekurangan tiga nutrien utama ini akan menampakkan masalah kesihatan daun apabila kekurangan nitrogen, masalah pertumbuhan jika kekurangan fosforus dan masalah penghasilan bunga apabila kekurangan kalium.

Walaupun bagaimanapun, kandungan nutrien baja organik adalah bergantung kepada bahan sisa yang digunakan.

Penggunaan bioarang akan menghasilkan baja organik yang kaya dengan kandungan kalium manakala penggunaan sisa makanan pula akan menghasilkan kandungan nitrogen yang tinggi. Kadar pelepasan nutrien oleh baja organik adalah perlahan, namun ini tetap memberi kelebihan kepadanya kerana memastikan setiap tahap



PESERTA didedahkan dengan teknik penghasilan baja kompos organik menggunakan sisa makanan.

## Belajar cara pengurusan baja



PENGETAHUAN tentang jenis-jenis dan ciri-ciri tanah di Malaysia dan keperluan pengurusan tanah untuk kesuburan turut didedahkan kepada peserta.

tumbesaran tumbuhan akan menerima khasiatnya apabila baja organik digunakan pada awal proses tanaman.

Baja mineral pula terhasil melalui proses perlombongan bagi mendapatkan mineral tertentu di dalam batu-batuan yang kemudiannya melepaskan nutrien yang terkandung melalui tindak balas fizikal dan kimia. Kadar pelepasan baja mineral adalah sangat perlahan dan hanya melibatkan nutrien kalsium, magnesium, dan fosforus.

Baja organik sintetik adalah gabungan gas dan bahan organik melalui proses tindakbalas kimia.

Baja urea yang dihasilkan melalui gabungan gas amonia, hidrogen dan karbon dioksida merupakan contoh baja

organik sintetik yang digunakan dengan meluas. Kelebihannya terletak pada kadar pelepasan nutrien yang cepat dan kandungan nitrogen yang tinggi.

Justeru, penganjur kursus pengurusan tanah dan persekitaran anjuran Universiti

Malaya (UM) baru-baru ini amat bermakna kepada peserta yang terlibat apatah lagi mereka merupakan penduduk sebuah komuniti yang dahagakan ilmu mengenai pertanian.

Pensyarah kanan di Institut



ROSAZLIN ABDULLAH

SEMUA peserta bergambar pada akhir kursus.





PESERTA tekun mendengar penerangan penceramah.

### INFO

- Baja boleh dibahagikan kepada empat kategori berdasarkan kandungan nutriennya iaitu baja bukan organik atau baja kimia, baja organik, baja mineral dan baja organik sintetik.
- Selain nilai kandungan yang berbeza, setiap kategori baja ini juga mempunyai cara pelepasan nutrien yang berbeza.
- Baja kimia dihasilkan melalui campuran bahan kimia dan bukan organik dan akan melepaskan nutrien tertentu apabila melalui tindak balas kimia dengan tanah.
- Kelebihan baja kimia terletak pada kadar pelepasan nutrien yang tinggi disebabkan sifatnya yang mudah larut ke dalam tanah berbanding baja organik dan mineral.
- Baja organik dihasilkan menggunakan bahan organik tanpa campuran bahan kimia terutama melalui proses pereputan dan penguraian sisa tumbuhan dan makanan yang menghasilkan kompos.

Sains Biologi, Fakulti Sains UM yang juga merupakan salah seorang penceramah program, **Dr. Rosazlin Abdullah** berkata, program tersebut mendedahkan peserta kepada teknik pengurusan pembajaan termasuk jenis-jenis baja kimia dan organik serta pengiraan jumlah baja yang diperlukan untuk tanaman.

"Selain itu, peserta turut dibekalkan dengan maklumat mengenai jenis-jenis tanah di Malaysia, fisiologi tumbuhan dan manfaat beberapa jenis tumbuhan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program pengurusan tanah dan persekitaran komuniti sekitar Lembah Pantai, Kuala Lumpur dan staf UM, baru-baru ini.

Menariknya, peserta dikongsikan kaedah untuk mengira jumlah penggunaan baja yang betul untuk keperluan tumbuhan yang khusus sama ada untuk tujuan tumbesaran, berbunga atau berbuah.

Pengajaran program ini juga diharap dapat memberi impak yang positif kepada peserta dalam meneroka sektor pertanian dan



PESERTA melihat contoh produk bioarang yang dipamerkan.

“

Program tersebut mendedahkan peserta kepada teknik pengurusan pembajaan termasuk jenis-jenis baja kimia dan organik serta pengiraan jumlah baja yang diperlukan untuk tanaman.”

pengurusan penanaman agar dapat membuka minda serta mengurangkan kadar pencemaran terhadap alam.

"Selain itu ia dapat melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam pertanian dan alam sekitar," kata Rosazlin lagi.



BAJA kompos yang dihasilkan turut dijual kepada peserta.

## Amalkan ilmu yang diperolehi

**P**RORAM yang disertai seramai 55 orang penduduk ternyata memberi sesuatu yang amat bermakna kepada mereka.

Kursus sehari yang bertemakan *Tanah yang sihat untuk tanaman dan persekitaran yang sihat* merupakan anjuran Sekretariat Eco-Campus UM dengan kerjasama Institut Sains Biologi, Fakulti Sains UM dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) UM.

"Maklumat dan pengetahuan yang diterima dalam program ini akan saya praktikkan untuk mendapatkan hasil yang lebih baik pada masa akan datang," kata **Muhammad Hambali Zaki Jamaludin**, seorang



MUHAMMAD HAMBALI ZAKI JAMALUDIN



NOR AZHAR JAMIL

penduduk Lembah Pantai yang menjadi peserta program.

Seorang lagi peserta, **Nor Azhar Jamil** yang juga penduduk Lembah Pantai juga menyatakan rasa teruja untuk memulakan proses penghasilan kompos daripada sisa makanan.

"Setelah mempelajari mudahnya proses untuk menghasilkan baja kompos daripada sisa makanan, saya percaya semakin ramai penduduk akan sama-sama

berusaha menerapkan nilai melestarikan alam sekitar dan seterusnya memberikan kesan dan impak yang tinggi," katanya.

Maklumat lanjut mengenai program ini boleh didapati melalui **Dr. Rosazlin Abdullah** di [rosazlin@um.edu.my](mailto:rosazlin@um.edu.my).



DEMONSTRASI menghasilkan bioarang menggunakan produk inovasi hasil penyelidikan UM.

# Harapan pengundi Tanjung Piai

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**  
pengiran@utusan.com.my

**PONTIAN 6 Okt.** - Penduduk sekitar Parlimen Tanjung Piai dekat sini mahu seorang wakil rakyat memberi keutamaan kepada kebajikan selain memberi fokus meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat yang rata-ratanya terdiri daripada nelayan dan pekebun.

Seorang penduduk Tanjung Piai, Yaacob Mohd. Said berkata, sebagai seorang nelayan, dia mahu wakil rakyat dipilih nanti memperjuangkan hak golongan nelayan yang kini kurang diberikan perhatian serta bantuan khususnya dari segi kewangan.

"Kami sebagai warga nelayan di Tanjung Piai tidak berharap agar wakil rakyat dipilih itu tidak kira daripada mana-mana parti agar memberi perhatian kepada golongan nelayan dan pekebun di daerah ini.

"Sejak akhir-akhir ini, kami menghadapi sedikit kesukaran apabila elaun sara hidup nelayan diturunkan dan ada nelayan lain tidak mendapatkan elaun walaupun aktif dengan aktiviti laut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



**YAACOB MOHD. SAID**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2019	SINAR HARIAN	WARNA-WARRNA KEHIDUPAN	20

## UTeM cipta mesin potong ikan



**Mastura Saadon (dua kiri) menunjukkan mesin pemotong ikan automatik yang telah dihasilkan bersama barisan penyelidik UTeM.**

**ALOR GAJAH** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus melangkah ke hadapan dengan membangunkan mesin pemotong ikan automatik.

Naib Canselor UTeM, Profesor Dr Raha Abdul Rahim berkata, produk inovasi yang dihasilkan penyelidik universiti tempatan itu bertujuan untuk menyuntik peningkatan industri pemprosesan hasil laut di negara ini.

Menurutnya, dengan kepakaran dan teknologi inovasi itu akan memudahkan kerja-kerja memotong ikan secara tidak langsung menjimatkan masa dan tenaga.

"Penghasilan produk inovasi menerusi penyelidikan telah dijalankan oleh barisan penyelidikan UTeM sendiri.

"Secara tidak langsung turut berperanan menyumbangkan inovasi kepada sektor ataupun industri perikanan di Malaysia," katanya.

Sementara itu Ketua Penyelidik, Intan Mastura Saadon berkata, mesin tersebut berpotensi dalam meningkatkan kadar produktiviti pemprosesan ikan setiap hari selain menghasilkan potongan ikan lebih kemas.

Menurutnya, berdasarkan kajian awal masa pemotongan dapat dikurangkan kepada lima saat setiap ikan jika menggunakan mesin itu dan ia dapat ditingkatkan sebanyak 12 kali ganda daripada biasa.

"Mesin ini juga menggunakan pisau pembelah dengan kuasa motor yang berupaya membelah ikan dengan kelajuan tinggi," katanya.

Projek itu turut dihasilkan bersama tujuh penyelidik lain iaitu Norain Idris, Emy Zairah Ahmad, Halyani Mohd Yassim, Noor Saffreena Hamdan, Amalia Aida Abdul Halim, Nurul Kausar Abd Majid dan Umi Hayati Ahmad yang terdiri daripada pensyarah daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan UTeM.

# Animal cruelty cases rising in the country

**LABUAN:** Animal abuse cases shot up by 30% across the country from 510 in 2017 to 662 cases last year, says the Department of Veterinary Services.

The department's director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam said statistics showed more than 90% of these cases involved dogs and followed by cats.

"The increase in the number of animal cruelty cases is mainly due to a rise in public awareness.

"From January to June this year, at least 190 cases were recorded with the fines imposed totalling RM12,500 from five cases brought to court," Dr Quaza Nizamuddin

told a press conference after opening the Module of Early Education on Animal Care and Welfare at the Financial Park Complex yesterday.

Dr Quaza Nizamuddin added that the total fines on offenders last year was RM71,200, as compared to RM15,000 in 2017.

"The number of cases is quite worrying but it is due to public awareness of the need to address animal cruelty in the country," he said.

On the publication of the module, he said it was drawn up in collaboration with the Department of National Unity and Integration.

"This is the starting point for us to impart animal care, handling and welfare, and early education to children in the pre-schools, before extending it to primary and secondary schools as part of the co-curriculum," he said.

Dr Quaza Nizamuddin urged the people, regardless of race and religion, not to be cruel to animals as such acts could easily be captured via smartphones and viralled in social media.

"Receiving complaints furnished with video evidence could assist our investigations and to take action accordingly," he said.

Dr Quaza Nizamuddin also

reminded the public of the deterrent sentence of up to 20 years' jail and higher fines under the Animal Welfare Act 2015.

On animal-borne diseases, he said the department had classified rabies, especially in Sarawak, as still a menace to the public.

"We always prioritised preventive measures so that any outbreak anywhere in the country could be addressed effectively.

"As for the African swine fever, we must be fully prepared for a possible outbreak in our country," Dr Quaza Nizamuddin said, adding that preventive measures were being taken. — Bernama

# Empowering farmers in Kuala Langat

New digital agriculture initiative to enable easy, consistent fund transfers by community



Surina says the initiative will be the catalyst for further digital transformation for the industry to become a significant participant in the digital economy.

AS PART of the push to drive digital transformation and adoption across the nation, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) is partnering with Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKKL), CIMB Bank Berhad and local payments system and infrastructure network PayNet to bring the latter's DuitNow service to the Kuala Langat farming community.

The new initiative is an extension of the already established Digital Agriculture programme which aims to help Malaysian farmers adopt digital agricultural solutions for improved efficiency and increased crop revenue.

Since its inception in 2018, the programme's initiatives have seen farmers adopt an Internet of things (IoT)-enabled fertigation system that has helped them reduce monthly fertiliser use by 20%, lower monthly manpower requirements by 50%, and increase the quality of yield (grade A chillies) by up to 50%.

Building on this success, MDEC and PPKKL have identified a new pain-point that they seek to address - payments.

Currently, PPKKL's process of paying its members through cash, cheque and bank transfer is plagued by the problem of its members holding multiple bank accounts or changing bank accounts, often resulting in cancelled or rejected payments and incurring high operational costs.

This has now been remedied via PayNet's latest digital solution called DuitNow - a digital payment platform that enables fund transfers using consistent and easily-retrieved identifiers such as MyKad or mobile phone numbers.

This enables PPKKL to pay its 400 members in a way that greatly reduces the risk of rejections and cancellations.

The end goal of this initiative, aside from promoting operational effectiveness and efficiency, is to bring these farmers into the cash-

less ecosystem. "MDEC's collaboration with our partners to enable farmers in Kuala Langat to enjoy the benefit of digital services is a great example of how we are advocating an inclusive digital economy. "I have maintained that digital transformation requires human transformation, and I am happy to see the enthusiasm and readiness of our farmers here to adopt digital to enhance their lives," said MDEC chief executive officer Surina Shukri at the launch of the initiative.

"AIR, cashless society, upward mobility - all these terms are digital features that will further empower the agriculture industry. "This initiative will be the catalyst for further digital transformation for the industry to become a significant participant in the digital economy," she added. DuitNow currently records an average of 500,000 transactions a day, with 7.7 million mobile num-

bers and MyKad numbers registered to receive funds through the service.

Using this integration pilot programme, MDEC can take this concept nationwide and help spur adoption in other farming communities around the country.

This translates into a potential 900,000 adopters nationwide.

PayNet's collaboration with MDEC, PPKKL and CIMB aims to create an efficient platform for the farmers to receive and make daily payments via DuitNow easily with their MyKad number," said PayNet group chief executive officer Peter Schlessler.

"DuitNow is available at 35 participating banks via mobile and internet banking, making it highly accessible, secure and convenient for users," he added.

The initiative will help PPKKL members to get acquainted with DuitNow while benefiting from the service's efficiency and convenience.